

Newspaper	Berita Harian
Date	12/3/2013

Gaji PDRM, ATM ikut perkhidmatan awam

BH-12/3/2013

» Sistem Saraan Transformatif singkat tempoh naik pangkat

Oleh Shaarani Ismail dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bharian.com.my

Putrajaya

Kerajaan mengumumkan kenaikan gred gaji baru bagi pegawai dan anggota tentera serta polis untuk disetarakan dengan perkhidmatan awam lain dalam Sistem Saraan Baru (SSB).

Pelarasan yang dinamakan Sistem Saraan Transformatif (SST) itu akan menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang diguna pakai sebelum ini, diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-13 (MAPPA XIII), di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Beliau berkata, pelarasan gaji bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berkuatkuasa 1 Januari lalu bakal memanfaatkan 233,192 anggota pasukan keselamatan di seluruh negara, iaitu 109,209

INFO			
Kesetaraan Skim Gaji PDRM			
PANGKAT	GRED	KE GRED	
⊙ Konstabel	17	17	
⊙ Lans Koperal	17	20	
⊙ Koperal	17	22	
⊙ Sarjan	27	29	
⊙ Sarjan Mejar	27	32	
⊙ Sub Inspektor	32	38	
⊙ Inspektor	41	41	
⊙ Asisten			
Superintendan (ASP)	41	44	
⊙ Deputi			
Superintendan (DSP)	41	46A	
⊙ Superintendan	41	48	
⊙ Asisten Komisloner			
Polis	48	52	

PDRM dan 123,983 ATM.

"Pangkat dalam perkhidmatan ATM dan PDRM kini disetarakan dengan Perkhidmatan Awam Am selaras perubahan lapisan gred jawatan atau gred gaji.

"Ia mencakupi perubahan skop fungsi tugas khas, struktur pangkat dan kelayakan bagi skim perkhidmatan ATM serta PDRM," katanya.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ali Hamsa dan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Farida Mohd Ali.

INFO			
Kesetaraan Skim Gaji ATM			
PANGKAT	GRED	KE GRED	
⊙ Prebet	17	17	
⊙ Lans Koperal	17	20	
⊙ Koperal	17	22	
⊙ Sarjan	22	29	
⊙ Staf Sarjan	22	32	
⊙ Pegawai Waran 2	22	36	
⊙ Pegawai Waran 1	22	38	
⊙ Leftenan Muda	27	41	
⊙ Leftenan	32	41	
⊙ Kapten	41	44	
⊙ Mejar	41	46A	
⊙ Leftenan Kolonel	41	48	
⊙ Kolonel	48	52	

Pendek masa naik pangkat

Dalam pada itu, Najib berkata, kerajaan setuju menambahbaik pelaksanaan urusan kenaikan pangkat kumpulan pelaksanaan kakitangan awam dengan memendekkan tempoh kenaikan pangkat berdasarkan tempoh khidmat daripada 15 tahun kepada 13 tahun.

Katanya, pelaksanaan penambahbaikan itu berasaskan kecemerlangan yang akan memanfaatkan lebih 17,000 penjawat awam yang layak.

"Di samping itu, kerajaan secara prinsipnya bersetuju meluaskan kaedah pelaksanaan kenaikan pangkat laluan pantas, kenaikan pangkat laluan pakar bidang dan kenai-

kan pangkat laluan kemahiran tinggi bagi menambah baik laluan kemajuan kerjaya penjawat awam dalam jangka masa panjang.

"Kaedah pelaksanaannya, termasuk pembangunan kriteria dan struktur panel khas untuk ketiga-tiga laluan baru itu akan diperincikan sebelum dilaksanakan," katanya.

Kenaikan gaji tahunan

Najib turut menyampaikan berita gembira kepada 182,434 penjawat awam yang berada pada tangga gaji maksimum dan tidak menikmati kenaikan gaji tahunan dengan mengumumkan kenaikan gaji tahunan (KGT) sebanyak tiga kenaikan, berkuat kuasa 1 Januari 2013 untuk semua struktur gaji maksimum dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum.

Selain itu, semua penjawat awam menerima faedah pemindahan gaji sebanyak satu KGT yang dipercepatkan pada 1 Julai 2013 dengan setiap penjawat awam mendapat kenaikan antara RM80 hingga RM320 mengikut gred gaji masing-masing, membabitkan peruntukan RM1.5 bilion.

"Sekiranya tiada pelarasan gaji atau semakan dibuat, kerajaan setuju pergerakan gaji khas sebanyak tiga peratus diberikan kepada pegawai yang mencapai dan berada pada gaji maksimum," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bersetuju menyambung perkhidmatan hampir 50,000 kakitangan awam kontrak selama setahun lagi apabila kontrak mereka tamat pada 31 Disember depan sementara menunggu kajian menyeluruh berhubung perkara itu dilaksanakan.